

Tidak Putus Asa Merealisasikan Impian

Nama | **Mohammad Faizal Bin Zainon**
Lokasi PI1M | **PI1M Bukit Besar, Yan, Kedah**
Pemberi Perkhidmatan | **Maxis Mobile Sdn. Bhd.**



En. Faizal merupakan antara pengusaha perniagaan secara atas talian yang berjaya setelah mendaftar **GMBO**.

Mohammad Faizal Zainon, 27 tahun, berasal dari Sungai Petani, Kedah telah menjadi ahli Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Bukit Besar sejak bulan April 2013. Impiannya sebagai seorang usahawan muda yang berjaya telah tercapai. Kini beliau merupakan seorang pengurus besar EMZI Group yang menjalankan perniagaan percetakan pakaian dan cenderamata serta menyediakan perkhidmatan perniagaan berasaskan latihan dan perundingan.

Program 'Get Malaysian Business Online' (GMBO) yang dijalankan di PI1M Bukit Besar untuk membantu usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam menjalankan perniagaan secara atas talian telah menarik perhatiannya.

Di bawah program GMBO, usahawan akan diberikan khidmat nasihat dan bimbingan untuk membangunkan laman web, membuat pemasaran secara atas talian serta mendalami pemasaran menggunakan laman sosial. Berkat bantuan daripada penyelia PI1M Bukit Besar, En. Faizal telah menghasilkan laman web perniagaannya sendiri di www.emzi.com.my dan di laman sosial www.facebook.com/emzireka untuk Syarikat EMZI REKA di bawah EMZI Group.

Melalui kedua-dua laman yang digunakan sebagai platform perniagaan atas talian, segala urusan dapat dijalankan melalui hujung jari sahaja, iaitu pelanggan hanya perlu memilih produk dan membuat tempahan secara

atas talian. Ia bukan sahaja membawa kemudahan kepada pelanggan, malah dapat menjimatkan kos perkhidmatan seterusnya meningkatkan jualan bulanan syarikatnya sehingga boleh mencecah RM 50,000 hingga RM 80,000 berbanding dengan sebelumnya iaitu dalam lingkungan RM 6,000 hingga RM 8,000.

Kemunculan PI1M di Bukit Besar telah membawa perubahan besar bagi anak Kedah ini. Pada pertengahan perniagaannya, beliau hampir berputus asa untuk meneruskan perniagaannya kerana tidak mampu untuk bersaing dengan syarikat percetakan lain yang lebih berpengalaman. Tetapi En. Faizal tidak sanggup melihat perniagaannya ditamatkan begitu sahaja, maka

beliau telah membuat kajian untuk mengembangkan perniagaan beliau dan menyedari bahawa skop pasaran perniagaannya hanya terhad di sekitar negeri Kedah. Justeru beliau telah mengambil inisiatif memasarkan produk beliau secara atas talian sehingga produk syarikatnya semakin dikenali ramai dan pasaran telah berkembang ke Sabah dan Sarawak.

Sejak memulakan perniagaan percetakan pakaian dan cenderamata secara kecil-kecilan di rumahnya pada tahun 2007, perniagaan beliau semakin berkembang maju, berpremis tetap dan mempunyai 7 orang pekerja tetap.

Walaupun bagaimanapun, En. Faizal masih mengikuti khidmat nasihat daripada petugas PI1M yang sentiasa sedia membantu dan menghadiri kelas pembelajaran ICT secara percuma yang disediakan di PI1M supaya dapat menguasai teknik perniagaan secara atas talian. Selain itu, suasana PI1M yang selesa, caj penggunaan

komputernya yang sangat berpatutan serta petugas PI1M yang ramah mesra merupakan antara faktor yang menarik beliau mengunjungi PI1M setiap hari.



🏠 **Alamat:** No 9, Tingkat Bawah, Jalan Bank, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia

☎ **04-4213503**

🌐 **www.emzi.com.my**

📘 **www.facebook.com/emzireka**



En. Faizal sedang membuat demonstrasi cara mencetak logo pada sehelai kain.



Beginilah baju dan cenderamata dijalankan proses percetakan oleh pekerja Syarikat EMZI REKA milik En. Faizal.



En. Faizal mengunjungi PI1M Bukit Besar setiap hari untuk mendapat khidmat nasihat daripada petugas PI1M tentang konsep berniaga secara atas talian.